

18/11/1998

Pendekatan strategik kerajaan diteruskan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pendekatan strategik kerajaan melalui konsep Persyarikatan Malaysia, perkongsian bijak dan memakmurkan jiran akan terus menjadi intipati agenda pembangunan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan terus melaksanakan konsep Persyarikatan Malaysia kerana mahu mewujudkan hubungan baik antara kerajaan dan sektor swasta.

"Kita memikirkan perlunya konsep Persyarikatan Malaysia kerana pada umumnya kita selalu menganggap kerajaan berkonfrontasi dengan sektor swasta, manakala sektor swasta pula berkonfrontasi dengan kerajaan.

"Kita tidak melihat mengapa perlu berlaku konfrontasi antara kedua-duanya kerana sektor swasta menyumbang kepada kesejahteraan negara dengan membuat keuntungan serta membayar cukai kepada kerajaan, yang mana tanpanya kerajaan tidak boleh berfungsi," katanya ketika ditemuramah dalam program Bersama Perdana Menteri-CEO Malaysia Incorporation di TV1, malam tadi.

Dalam program sejam itu, Dr Mahathir ditemu ramah oleh Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Datuk Michael Yeoh dan Pengarah Eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Dr Shafiq Sit Abdullah.

Perdana Menteri berkata, konsep Persyarikatan Malaysia sebenarnya membantu kerajaan membangunkan negara.

"Kerajaan perlukan cukai korporat. Maka jika kita menerima hakikat sektor swasta menyumbang kepada pendapatan negara dan jika kita membantu sektor swasta mendapat lebih untung, kita sebenarnya membantu kerajaan sendiri.

"Apabila kita menyedari semua itu dan bila kita dapat meyakinkan kakitangan awam bahawa dia sebenarnya dibayar oleh sektor swasta, maka tidaklah sukar untuk kita menerima konsep Persyarikatan Malaysia," katanya.

Mengenai konsep perkongsian bijak, Dr Mahathir berkata kerajaan percaya jika kita membantu pihak lain menjadi makmur, negara juga akan menikmati kemakmuran pada akhirnya.

"Apabila Jepun melabur di Malaysia, negara menjadi makmur dengan peluang pekerjaan yang terbuka dan kegiatan perniagaan yang terangsang.

"Sudah tentu Jepun membuat wang dengan pelaburan mereka di sini, tetapi lebih kepada Malaysia yang mendapat manfaat termasuk menjadi pasaran baik kepada negara itu," katanya.

Mengulas mengenai konsep memakmurkan jiran, Dr Mahathir berkata keadaan yang sama berlaku di mana apabila kerajaan membantu sesebuah negara jiran menjadi makmur, negara akan turut menikmati kemakmuran dan bebas daripada masalah mereka (negara jiran).

Mengenai Kerjasama Selatan-Selatan, Perdana Menteri berkata kerjasama itu mempunyai masa depan yang cerah walaupun keupayaan negara membantu negara-negara Selatan kerana krisis kegawatan ekonomi.

"Kita bukanlah negara pengeksport modal, tetapi kita cuba melabur di negara Selatan ketika negara lain tidak yakin dengan kestabilan negara terbabit," katanya.

Ditanya mengenai Wawasan 2020, Dr Mahathir mengakui kegawatan ekonomi menjejaskan matlamat yang ditetapkan, tetapi ia tidak bermakna Malaysia tidak mampu mencapainya.

Beliau berkata, selain bekerja kuat untuk mencapainya, rakyat juga

sentiasa diingatkan dengan idea untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Rakyat juga sangat cenderung untuk memberi sumbangan mereka bagi menjayakan matlamat itu," katanya.

Ditanya kemungkinan negara lain mencontohi Malaysia dari segi langkah memulihkan ekonomi, Dr Mahathir berkata, mungkin ada perbezaan kerana situasi yang dihadapi tidak sama.

Menurutnya, Malaysia adalah sebuah negara kecil yang mempunyai sedikit hutang asing manakala rakyat pula bekerjasama untuk memulihkan ekonomi negara.

"Saya sangsi sama ada negara lain boleh menerima strategi yang sama secara tanpa mempertikaikannya tetapi ada perbezaan versi mengikut keperluan sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat juga mempunyai kecenderungan untuk menyalahkan kerajaan apabila berlaku sesuatu yang tidak kena, sebaliknya berdiam diri apabila tindakan kerajaan betul.

Katanya, walaupun kerajaan dipilih oleh rakyat, mereka tidak boleh mengharapkan kerajaan sepanjang masa, sebaliknya pertimbangkan sumbangan kepada negara.

"Oleh itu, generasi sekarang mesti fikir mendalam terhadap persoalan bagaimana mereka boleh mencapai taraf hidup yang lebih baik, bagaimana mereka boleh mendapatkan wang untuk mereka," katanya.

Mengenai Pelaburan Langsung Asing (FDI), Perdana Menteri berkata kerajaan merangka dasar menggalakan pelabur asing dan memutuskan tidak akan merosakkan mereka yang melabur di negara ini.

Katanya, apa yang dilaksanakan oleh kerajaan berbeza dengan sesetengah negara yang cuba melakukan semua perkara secara sendiri.

"Kita tidak cuba berbuat begitu kerana berpendapat ia akan membazirkan tenaga," katanya sambil menambah ketika memegang jawatan Menteri Perdagangan, beliau kerap kali berkunjung ke negara maju dan memberi penjelasan kepada pelabur asing mengenai Malaysia," katanya.

(END)